

Rabu – 07 Oktober 2020

Halaman : 17

Kosmo! RABU 7 OKTOBER 2020

MIS 17

# 'Jangan cemarkan Sungai Rengil kami'

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** — Penduduk Orang Asli yang tinggal di Kampung Kuala Rengil, Pos Brooke di sini berharap Sungai Rengil terus dijaga demi kelangsungan hidup mereka.

Sungai Rengil menjadi satu-satunya sungai yang masih bersih dan tidak tercemar akibat kegiatan penerokaan tanah terutamanya pengusaha kebun sayur.

Sejak 30 tahun lalu, Sungai Rengil menjadi sumber air bersih penduduk Orang Asli seperti kegunaan harian untuk mandi, membasuh pakaian dan memasak.


Seorang penduduk Orang Asli Kuala Rengil, Man Mat, 39, berkata, mereka nekad mempertahankan dan tidak teragak-agak untuk menghalang pihak yang cuba menggondolkan bukit berhampiran kampung mereka.

Katanya, tujuan mereka hanya ingin menjaga Sungai Rengil daripada sebarang pencerobohan dan pencemaran.

"Kami akan terus jaga Sungai Rengil kerana inilah satu-satunya sungai belum tercemar dan menjadi sumber air penting penduduk Kuala Rengil.

"Sungai ini juga menjadi tarikan kepada para pendaki gunung kerana terletak di laluan Gunung Yong Yap, Gunung Tok Neneh dan Gunung Bubu," katanya.

Ketua Kampung Rengil, Rajis



MAN menunjukkan kualiti air Sungai Rengil yang bersih semalam.

Angah, 46, berkata, air sungai lain yang terdapat di kawasan Tanah Tinggi Lojing tidak lagi boleh digunakan penduduk Orang Asli sebagai keperluan harian termasuk sungai utama iaitu Sungai Belatop.

Katanya, kualiti air yang keruh dan berselut dipercayai tercemar menyebabkan Orang Asli sudah tidak menggunakan air sungai itu.

"Kini, hanya Sungai Rengil yang kualiti air masih jernih dan bebas daripada pencemaran keran aktiviti pembukaan kebun sayur."

"Sebelum ini, memang ada

tanah bukit di kampung itu cuba diteroka individu tertentu untuk membuka kebun sayur, namun kami penduduk Orang Asli separa menghalang dan menghalau mereka keluar bersama jentera mereka," katanya semalam.

Tambah Rajis, penghulu Orang Asli di kawasan Tanah Tinggi Lojing juga bercadang untuk memajukan Sungai Rengil sebagai kawasan pelancongan.

Katanya, mereka berharap pihak kerajaan menyokong cadangan mereka termasuklah membina inap desa hasil usaha penduduk Orang Asli di sekitar Kampung Kuala Rengil.